

MESYUARAT PENGURUSAN INQKA

MESYUARAT PENGURUSAN INQKA MPI KE 71 BIL 05/2021

Tarikh	: 25 Mei 2021 (Selasa)	Tempat	: Secara dalam talian
Masa	: 10:00 Pagi		

HADIR

- | | |
|---|------------|
| 1. YBHG. PROF. DATIN DR. SUZANA BT SULAIMAN
PENOLONG NAIB CANSELOR
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU | PENGERUSI |
| 2. PUAN SITI NORUL'AIN BINTI MOHD AZIZI
PENOLONG PENDAFTAR KANAN
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU | |
| 3. PROF. DR AZIZAH BINTI ABDULLAH
PENGARAH
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU | |
| 4. TS. DR. HAYATI BINTI ABD RAHMAN
KETUA UNIT
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU | |
| 5. DR. SHATINA BINTI SAAD
KETUA
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU | |
| 6. PROF. MADYA DR. SHAHRUL AZAM BIN ABDULLAH @ AB AZIZ
KETUA
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU | |
| 7. PUAN NORLELAWATI BINTI MOHAMAD ADI
SETIAUSAHA PEJABAT
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU | SETIAUSAHA |

Bahagian A	Kata Aluan daripada Pengerusi	TINDAKAN
i	<p>Pengisytiharan Kepentingan</p> <p>Pengerusi dan Ahli Mesyuarat berikrar untuk</p> <ul style="list-style-type: none"> mengutamakan dan menjaga tanggungjawab kerahsiaan di bawah seksyen 33 Akta Universiti Teknologi MARA 1973; dan tidak akan memberi sebarang maklumat sebelum pemakluman rasmi dibuat melalui minit mesyuarat yang telah disahkan. <p>Pengerusi dan Ahli Mesyuarat mengisytiharkan untuk tidak mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung terhadap</p> <ul style="list-style-type: none"> apa-apa kepentingan dalam mana-mana program akademik yang dibentangkan; atau apa-apa kepentingan dalam penemuan audit; atau apa-apa perkara yang sedang dibincangkan dalam mesyuarat. 	
ii	Aluan Pengerusi	

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah.

Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kedatangan hadirin ke mesyuarat pada pagi ini.

Pengerusi meminta semua staf untuk sentiasa membaca pekeliling yang dikeluarkan oleh Pejabat Naib Canselor mengenai Perintah Kawalan Pergerakan 3.0. Ini kerana sering terdapat maklumat yang terkini yang dikeluarkan oleh Pejabat Naib Canselor.

Pengerusi memaklumkan beliau dan Puan Siti Norul'Ain telah menghadiri Mesyuarat Bagi Membincangkan Ruang Department Of Ranking, UiTM Global telah diadakan pada 10 Mei 2021 yang lalu. Penolong Naib Canselor UiTM Global mencadangkan supaya pejabat Unit Risiko dipindahkan ke InQKA namun InQKA tidak bersetuju dengan cadangan tersebut dan mencadangkan ia diletakkan di aras bawah Pejabat Arshad Ayub Graduate School yang mana dulunya menempatkan MyDin Mart.

Pengerusi juga memaklumkan bahawa InQKA mewakili UiTM telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa untuk Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance Network (MyQAN) untuk tahun 2021-2023.

Pengerusi memaklumkan bahawa InQKA juga akan terlibat di dalam projek rintis Digital Document Management System 2.0 (DDMS) yang dijalankan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) sebagaimana yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil 15/2021 bertarikh 5 Mei 2021.

Bahagian Pengesahan minit mesyuarat

B

B1 Pengesahan minit Mesyuarat Pengurusan InQKA ke 70 bil. 04/2021

Minit Mesyuarat MPI ke 70 Bil. 04/2021 yang diadakan pada 3 Mei 2021 disahkan tanpa pindaan.

Pencadang: Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah

Disokong : Puan Siti Norul'Ain Mohd. Azizi

Bahagian Perkara Berbangkit

C

Tiada Agenda

Bahagian Agenda

D

D1 Pengoperasian Pejabat InQKA semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0

Puan Siti Norul'Ain memaklumkan bahawa kehadiran ke pejabat semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 adalah seramai 5 orang sahaja dengan SOP yang perlu dijaga. Semua staf diminta untuk mengisi Borang Saringan Covid-19 setiap hari termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti am.

PERBINCANGAN

Dr. Azizah memaklumkan kepada Pengerusi bahawa staf akademik di bawah Unit IQA akan Bekerja dari Rumah (BDR) sepanjang tempoh PKP 3.0 ini kerana mereka perlu merentas daerah sekira hadir ke pejabat.

KEPUTUSAN

Pengerusi meminta semua Pengarah dan Ketua untuk merancang kehadiran seminggu lebih awal bagi memudahkan Unit Pentadbiran membuat pengiliran. Pengarah dan Ketua juga diminta untuk mengingatkan kepada staf seliaan untuk tidak membuat kerja sampingan semasa Bekerja dari Rumah (BDR).

D2 Penggunaan Sistem Clockify

Puan Siti Norul'Ain memaklumkan bahawa sistem Clockify telah pun digunakan sejak Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 dan dicadangkan ianya digunakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

KEPUTUSAN

Pengerusi bersetuju ianya digunakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 ini dan rekod kerja untuk adalah sebanyak 6 jam sehari (8.00 pagi sehingga 11.59 malam). Pengerusi meminta supaya semua Pengarah dan Ketua untuk memantau kerja-kerja staf di bawah seliaan masing-masing.

D3 Jawatankuasa Ranking Universiti

Pengerusi memaklumkan bahawa InQKA telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa untuk Jawatankuasa Ranking Universiti sebagaimana yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil. 14/2021 bertarikh 28 April 2021.

D4 Kertas Kerja Cadangan Pelaksanaan Sesi Penilaian Pembentangan Akhir Finalis Kecemerlangan Operasi (OE) UiTM (Secara Dalam Talian) Dan Bayaran Saguhati Kepada Panel Penilai OE

Pendahuluan

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk memohon kelulusan Mesyuarat Pengurusan InQKA (MPI) bagi pelaksanaan Sesi Penilaian Pembentangan Akhir Finalis Kecemerlangan Operasi (OE) UiTM (Secara Dalam Talian) dan Bayaran Saguhati kepada Panel Penilai OE.

Objektif Program

Bengkel Penilaian Kecemerlangan Operasi UiTM diadakan bagi mencapai objektif berikut: Menilai proses-proses kerja yang telah ditambahbaik oleh PTJ berdasarkan rubrik yang telah dikenalpasti.

- Mendapatkan input daripada panel yang telah dikenalpasti mengenai proses kerja yang terbaik dan boleh digunakan di seluruh UiTM.
- Mengenalpasti proses kerja yang dilaksanakan merentas PTJ.
- Menghasilkan model penilaian kecemerlangan operasi yang lebih jelas dalam aspek pengurusan akademik dan pengurusan universiti.

Maklumat Penganjuran

Butiran penganjuran bengkel dan implikasi kewangan adalah seperti berikut:

Tarikh : 14 – 15 Julai 2021 (Rabu – Khamis)

Masa : 9:00 pagi hingga 4:30 petang

Pelantar : Google Meet - <https://meet.google.com/qwm-ddnc-zek>

Implikasi Kewangan:

ANGGARAN PERBELANJAAN	JUMLAH
<u>Saguhati Panel Penilai OE</u>	
RM150 x 6 orang	RM900
JUMLAH	RM900

KEPUTUSAN

Keputusan mesyuarat :

Mesyuarat meluluskan permohonan kertas kerja dengan implikasi kewangan sebanyak RM900.00.

D5 Kertas Kerja Bengkel Penilaian Program `Kenali COPPA`

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk memohon kelulusan Ahli Mesyuarat Pengurusan InQKA (MPI) untuk menjalankan Bengkel Penilaian Program `Kenali COPPA'. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* kepada Timbalan Dekan Akademik dan Penolong Pendaftar bagi semua fakulti dan kampus.

Peserta bengkel ini terdiri daripada Penolong Pendaftar Akademik, Timbalan Dekan Akademik dan Timbalan Rektor Akademik. Seramai 94 orang peserta dari fakulti dan kampus yang akan terlibat.

Unit IQA mencadangkan satu bengkel secara hibrid pada 8 dan 9 Jun 2021 (Selasa dan Rabu).

Aturcara yang dicadangkan :

Hari Pertama (8 Jun 2021- Selasa)

MASA	AKTIVITI
8.30 – 9.00 pagi	Ucapan Aluan - Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman
9.00 – 10.00 pagi	Pengenalan <i>Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)</i> - Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah
10.00 – 10.30 pagi	Rehat
10.30 pagi – 12.30 tengahari	COPPA Area 1 & 2 - Prof. Madya Dr. Kamarularifin Abd Jalil
12.30 tengahari – 2.00 petang	Rehat
2.00 – 4.00 petang	COPPA Area 3 & 4 - Dr. Zalilah Abd Aziz

Hari Pertama (9 Jun 2021 - Rabu)

MASA	AKTIVITI
8.30 pagi – 12.30 tengahari	COPPA Area 5, 6 & 7 - Prof. Madya Dr. Rasidah Hamid
12.30 tengahari – 2.00 petang	Rehat
2.00 – 4.00 petang	Audit Pematuhan - Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah

Tiada implikasi kewangan yang terlibat.

KEPUTUSAN

Keputusan mesyuarat :

Mesyuarat meluluskan permohonan kertas kerja yang dibentangkan.

D6 Permohonan Kebenaran Menggunakan Maklumat Yang Disalurkan Oleh Seluruh Pusat Tanggungjawab (PTJ) UiTM Ke Institut Kualiti Dan Pengembangan Ilmu (InQKA) Untuk Kepentingan Universiti Teknologi MARA

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk mendapat kelulusan pengurusan maklumat yang diperolehi dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) seluruh sistem UiTM di InQKA.

Latar Belakang

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) merupakan badan yang menguruskan hal-hal berkaitan dengan kualiti pengurusan, kualiti akademik dan inovasi bagi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) universiti. Pengumpulan maklumat di InQKA terdiri daripada dokumen asal, inovasi, kreativiti dan dokumen Utama PTJ seluruh sistem UiTM. Antara aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengumpulan maklumat dari PTJ adalah seperti berikut :-

- i. Laporan Penilaian Program Akademik (Dokumen IQA)
- ii. *Self-Review Report* (SRR)
- iii. Simposium *Operating Excellence* (OE)
- iv. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK); dan
- v. Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC)
- vi. Dokumen Pengurusan Kualiti PTJ

Justifikasi

Pengumpulan maklumat dan juga idea asal di InQKA di mana pemilik asalnya adalah terdiri daripada Fakulti/ Kampus Cawangan/ Jabatan dan juga kumpulan yang menyertai pertandingan anjuran InQKA perlu sentiasa dipelihara dan dijaga dengan selamat.

Sebagai usaha penambahbaikan, InQKA ingin menguatkuasa penggunaan Perjanjian Persetujuan bagi setiap maklumat yang dihantar ke InQKA. Ini bagi membolehkan PTJ memberi kebenaran kepada InQKA untuk menggunakan maklumat yang diberikan bagi tujuan lain demi kepentingan universiti.

Penguatkuasaan

Perjanjian persetujuan ini akan mula digunapakai bermula dari penghantaran maklumat dari 1 Jun 2021.

Tindakan

Ahli mesyuarat dimohon untuk meluluskan penguatkuasaan penggunaan Perjanjian Persetujuan atas semua maklumat yang dikumpul dari setiap PTJ seluruh sistem UiTM oleh InQKA.

Bahagian Laporan daripada unit

E

E1 Unit Pentadbiran dan ICT

Puan Siti Norul'Ain melaporkan :

1. Iklan untuk jawatan Ketua Program Akreditasi (Sains dan Teknologi) telah pun ditutup penyertaannya dan telah menerima borang pencalonan daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Untuk makluman, Dr. Zalilah yang sedang memegang jawatan tersebut akan habis tempoh pada bulan Julai.
2. Peringatan mengenai jam latihan yang perlu dipenuhi sebanyak 42 jam telah pun dimaklumkan kepada semua pentadbiran.
3. Pemasangan kabel Wi-Fi akan dilakukan pada 26 Mei 2021 bagi menaiktaraf Wi-Fi di pejabat Am InQKA
4. Sharing Session AKNC telah diadakan pada 24 Mei 2021 dan selepas ini akan diadakan sesi ujian iAKNC.

E2 Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

Ts Dr. Hayati melaporkan :

Aktiviti yang telah dijalankan oleh Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu :

1. Poster umum :
 - Poster Raya (7 Mei 2021 / 12 Mei 2021)



•Tahniah PM Ir Ts Dr Nik Rosli Abdullah – EIM (6 Mei 2021)



•Tahniah PM Dr Rasidah Hamid – DM54 (7 Mei 2021)



2. Poster aktiviti unit :
AKNC

•Sharing Session: Anugerah Kualiti Naib Canselor 2021



Unit KIK

•Webinar Teknik Pengembangan Projek KIK (5 Mei 2021)



E3 Unit Jaminan Kualiti Dalaman

Dr. Azizah melaporkan aktiviti yang telah dijalankan oleh Unit Jaminan Kualiti Dalaman :

1. Penerimaan dokumen daripada Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK)

Jenis Penilaian	Peringkat Pengajian	Sehingga April	Mei
Akreditasi Sementara	Diploma	-	1
	Sarjana	3	-
	Sijil	2	-
	Program Profesional	3	-
Akreditasi Penuh	Diploma	2	-
	Sarjana Muda	5	-
	Program Profesional	1	-
Semakan Kurikulum	Sarjana	1	-
Penambahan Lokasi	Diploma	1	1
	Sarjana Muda	5	-
	Sarjana	2	4
Audit Pematuhan	Sarjana	30	-

2. Penghantaran dokumen ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Jenis Penilaian	Sehingga April
Akreditasi Sementara	5
Akreditasi Penuh	5
Program Deemed Accredited	23
Program Profesional	5

3. Senarai program yang dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) ke-41 bil 5/2021

BIL	KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM (BM)	NAMA PROGRAM (BI)	LOKASI
Permohonan Akreditasi Penuh				
1.	LG120	Diploma Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional	Diploma in English for Professional Communication	Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat
2.	LG120	Diploma Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional	Diploma in English for Professional Communication	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah

4. Kewangan – Wang Panjar Runcit (*Petty Cash*)

Perkara	Jumlah	Status
Penggunaan Wang Panjar Runcit (<i>Petty Cash</i>)	RM300.00	1. Bayaran Sijil bagi Bulan Mei 2021: - Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian) MQA/FA14788 = RM100.00 2. Bayaran Perakuan Akreditasi Sementara: - Doktor Perigian Penjagaan Khas = RM100.00 3. Permohonan Perubahan Nama Program: - Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) (Kepujian) MQA/FA8811 = RM100.00

5. Kewangan – Bayaran Program Badan Profesional

Perkara	Jumlah	Status
Penggunaan Wang Bagi Bayaran Program Badan Professional	RM34,200.00	<ol style="list-style-type: none"> 1. <u>Sariana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian (Penuh) = RM10,000</u> 2. <u>Sariana Muda Kejuruteraan Kimia (Persekitaran) dengan Kepujian (Penuh) = RM10,000</u> 3. <u>Diploma Kejururawatan, UiTM Bertam (Sementara) = RM100.00</u> 4. <u>Diploma Kejururawatan, UiTM Bertam (Penuh) = RM7,000</u> 5. <u>Diploma Kejururawatan, UiTM Samarahan (Penuh) = RM7,000</u> 6. <u>Diploma Kejururawatan, UiTM Samarahan (Sementara) = RM100.00</u>

6. Aktiviti Sempena Bulan Kualiti

Perkara	Tarikh	Peserta
KENALI COPPA	8 – 9 JUN 2021	TIMBALAN DEKAN / REKTOR AKADEMIK DAN PENOLONG PENDAFTAR AKADEMIK
FORUM BERSEDIA UNTUK DINILAI	26 JULAI 2021	TERBUKA UNTUK WARGA UiTM
FORUM PENILAIAN BERDASARKAN BUKTI	23 OGOS 2021	TERBUKA WARGA UiTM

E4 Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi

Dr. Shahrul melaporkan :

1. Aktiviti yang telah dijalankan pada bulan Mei 2021 :
Kursus Audit Dalam iQMS anjuran UiTM Cawangan Terengganu telah dijalankan pada 3 hingga 5 Mei 2021. Seramai 44 orang peserta telah menyertainya.

2. Aktiviti yang akan dijalankan pada bulan Jun 2021 :

Tarikh	Perkara	Catatan
1 – 3 Jun 2021	Penilaian Luar iQMS Fakulti Sains Komputer dan Matematik	Panel: 1) Puan Hairani Wahab (Ketua) 2) Puan Suzana Hamzah 3) Ts. Dr. Aslizah Mohd Aris Sekretariat: Puan Habibah Hamzah
15 – 17 Jun 2021	Penilaian Luar iQMS Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka	Panel: 1) Prof. Madya Dr. Norwati Hj. Roslim (Ketua) 2) Siti Nor Fadillah Ahmad Shariff 3) Puan Siti Nurhanifah Sulong Sekretariat: Puan Noor Azmah Zuber

Tarikh	Perkara	Catatan
15 – 17 Jun 2021	Penilaian Luar iQMS Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media	Panel: 1) Dr Rezi-an-na Muhammed Kassim (Ketua) 2) Puan Jazira Anuar 3) Encik Mushaireen Musa Sekretariat: Encik Mohammad Shafiq Mustapa
22 – 24 Jun 2021	Penilaian Luar iQMS Fakulti Undang-Undang	Panel: 1) Puan Linda Abd Hamid (Ketua) 2) Encik Mohd Elfee Ab Rashid 3) Encik Mohd Azuan Tukiar Sekretariat: Encik Muhamad Zanjabil Mat Janum

Tarikh	Perkara	Catatan
22 – 24 Jun 2021	Penilaian Luar iQMS Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi	Panel: 1) Puan Siti Rahayu Sarman (Ketua) 2) Puan Robekhhah Harun 3) Puan Noraida Abd Karim Sekretariat: Encik Mohd Tahmil Johar

E5 Kelab Kebajikan

Dr. Shahrul melaporkan :

Baki terkini tabung Kelab Kebajikan adalah sebanyak RM821.80 sehingga hari ini. Sebanyak RM440 telah dibelanjakan untuk pembayaran makanan semasa Majlis Tadarus Al-Quran (RM340) dan sumbangan kepada suami Puan Norhasnida (RM100).

E6 Unit Inovasi dan Kreativiti

Dr. Shatina melaporkan :

Aktiviti yang telah dijalankan oleh Unit Inovasi & Kreativiti :

1. Webinar Teknik Pengembangan Projek KIK telah diadakan pada 5 Mei 2021 (Rabu) secara dalam talian (Platform Zoom). Objektifnya adalah untuk memberi pendedahan kepada para penggiat KIK tentang teknik pengembangan KIK Versi 3.0.
2. Perbincangan Bersama Pakar Rujuk KIK UiTM Bil. 2 Tahun 2021 telah diadakan pada 6 Mei 2021 (Khamis) secara dalam talian (Platform Google Meet). Mesyuarat membincangkan :
 - i. Garispanduan Penganjuran Konvensyen KIK 2021
 - ii. Program Pembangunan Pakar Rujuk
 - iii. Pemurnian Garis panduan KIK UiTM 3.1
 - iv. Pemurnian Slides Pembentangan Modul Pemantapan KIK UiTM 3.1
 - v. Semak semula Sidang Editorial JURIM

Aktiviti yang akan dijalankan oleh Unit Inovasi & Kreativiti :

3. Webinar Modul Dokumentasi Projek KIK 2021. Objektif webinar adalah untuk memberi bimbingan secara terus kepada para penggiat KIK tentang dokumentasi projek KIK Versi 3.1 bagi pertandingan Konvensyen KIK.
4. Webinar Modul Pembentangan Projek KIK. Objektif webinar adalah untuk memberi bimbingan secara terus kepada para penggiat KIK tentang pembentangan projek KIK Versi 3.1 bagi pertandingan Konvensyen KIK.
5. Webinar Harta Intelek Dan Hak Cipta Projek KIK 2021. Objektif webinar adalah memberi pendedahan kepada para penggiat KIK tentang Harta Intelek dan Hak Cipta Projek KIK.

Bahagian Hal-hal lain


F

Tiada Agenda

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat.
Mesyuarat diakhiri dengan bacaan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asr.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.19 petang.

Disahkan oleh :


Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman
Pengerusi

Tarikh : 22 Jun 2021